

D.R. 31/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997. dan mula <sup>Tajuk ringkas</sup> <sub>berkuatkuasa.</sub>

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan pindaan Tempatan 1980, yang disebut "Akta itu" dalam Aktaseksyen 2 ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan Akta 239 noktah di hujung takrif "Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas itu takrif yang berikut:

' "Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" ertinya suatu skim yang di bawahnya seseorang pekerja terus menjadi pekerja berpencen dan dikehendaki mencarum, apabila opsyennya mula berkuatkuasa dan menurut kuasa opsyennya, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.'

*Rang Undang-Undang*

seksyen baru 3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas  
6E, 6F dan 6c. seksyen 60 seksyen yang berikut:

"pekerja 6e. (1) Seseorang pekerja yang telah diberi taraf  
berpencen pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau  
boleh disifatkan menjadi pekerja berpencen di bawah  
memilih perenggan (a), (b) atau (c) seksyen 7, boleh  
skim memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang  
Pencendanaan Simpanan Pekerja.

Simpanan

Pekerja. (2) opsyen di bawah subseksyen (1)  
hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik  
yang berkenaan mengikut sesuatu cara yang  
diluluskan oleh pihak berkuasa pencen.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang  
pekerja di bawah seksyen ini hendaklah mula  
berkuatkuasa apabila opsyen itu disetujui terima  
oleh pihak berkuasa melantik yang berkenaan  
dan hendaklah pada ketika itu menjadi  
muktamad.

(4) Seseorang pekerja berpencen hendaklah  
terus menjadi pekerja berpencen apabila  
opsyennya mula berkuatkuasa, tetapi  
perkhidmatannya selepas opsyennya mula  
berkuatkuasa tidak boleh diambil kira bagi  
maksud menghitung perkhidmatannya yang boleh  
dimasukira.

Majikan  
boleh  
menawarkan

6F. Bagi maksud Akta ini, adalah sah bagi  
seseorang majikan menawarkan kepada  
pekerjanya opsyen yang disebut dalam seksyen

Keberterusan  
pemakaian  
Aktaini  
pemakaian  
Akta 452

6G. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4) seksyen  
6E peruntukan Akta ini, kecuali subseksyen (4)  
dan seksyen 6A, seksyen 6B, 6c, 6D dan subseksyen  
(1) seksyen 8, hendaklah teruterpakai, dan  
Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991  
hendaklah terpakai, bagi pekerja berpencen yang  
memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang  
Simpanan Pekerja di bawah subseksyen (1)  
seksyen 6E.

(2) Bagi maksud Akta ini, jika seseorang pekerja berpencen memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah subseksyen (1) seksyen 6E, dia boleh, apabila dia bersara di bawah seksyen 10, 11, 12 atau 13 daripada perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, diberi pencen, ganjaran atau faedah lain berasaskan perkhidmatannya yang boleh dimasukira dalam pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu, yang dihitung mengikut peraturan-peraturan.

(3) Jika seseorang pekerja berpencen yang memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah subseksyen (1) seksyen 6E—

- (a) meninggal dunia dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, pekerja itu hendaklah, bagi maksud seksyen 15, disifatkan telah meninggal dunia dalara perkhidmatan; atau
- (b) berkahwin semasa dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, perkahwinannya hendaklah, bagi maksud seksyen 16, disifatkan sebagai perkahwinan yang telah berlaku ketika pekerja itu masih dalam perkhidmatan."

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 ("Akta").

2. *Pasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuatkuasa.

3. *Pasal 2* bertujuan memasukkan tiga seksyen baru, iaitu seksyen 6B, 6F dan 6c, ke dalam Akta. Seksyen 6s yang dicadangkan membolehkan pekerja berpencen pihak berkuasa berkanun atau

tempatan memilih untuk terus berada dalam skim yang sedia ada atau memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Opsyen yang dilaksanakan oleh pekerja di bawah peruntukan ini mestilah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen dan adaiiah muktamad. Taraf berpencen pekerja itu tidak berubah jika dia memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, tetapi dia dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila opsyennya mula berkuatkuasa.

Di bawah seksyen 6F yang dicadangkan, pihak berkuasa berkanun atau tempatan dibenarkan menawarkan kepada pekerja berpencennya opsyen yang disebut dalam seksyen 6E yang dicadangkan.

Di bawah seksyen 6G yang dicadangkan, peruntukan Akta, kecuali peruntukan yang dinyatakan dalam seksyen itu, hendaklah terus terpakai bagi pegawai berpencen yang memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 hendaklah juga terpakai baginya. Dia boleh, apabila bersara, diberi pencen, ganjaran atau faedah lain berasaskan perkhidmatannya yang boleh dimasukira. Bagi maksud pencen, ganjaran atau faedah lain itu, jika pekerja berpencen yang memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja meninggal dunia atau berkahwin semasa dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, dia hendaklah disifatkan telah meninggal dunia atau berkahwin semasa dia masih dalam perkhidmatan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 2028.]